

Menuju ke hadapan

Persaingan dalam sektor kewangan dijangka terus meningkat selaras dengan evolusi persekitaran kewangan domestik, khususnya di bawah fasa kedua PISK, dengan fleksibiliti operasi yang lebih luas diberikan kepada institusi perbankan asing sedia ada. Dalam persekitaran yang lebih liberal ini, institusi perbankan domestik perlu terus meningkatkan kecekapan operasi serta inovasi produk dan perkhidmatan demi mengekalkan daya saing masing-masing. Dari segi fokus perniagaan, institusi perbankan dijangka memberi lebih tumpuan terhadap usaha-usaha meningkatkan keupayaan dalam bidang-bidang khidmat nasihat kewangan peribadi, pengurusan kekayaan, perbankan

pengguna serta pembiayaan PKS, sejajar dengan transformasi ekonomi serta peningkatan kemewahan pengguna. Kumpulan-kumpulan perbankan domestik juga dijangka memperluaskan rangkaian serantau bagi mempelbagaikan sumber pendapatan serta mempertingkatkan prestasi masing-masing. Dasar perbankan dalam persekitaran ini akan terus tertumpu pada peningkatan kecekapan, keberkesanan dan daya tahan sektor perbankan, dengan keseimbangan yang wajar antara pembentukan sistem perbankan yang cekap dengan sistem berorientasikan pasaran, dan dengan objektif bagi memastikan kestabilan kewangan serta perlindungan pengguna.

Langkah-langkah Perbankan pada Tahun 2004

Pada tahun 2004, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan keteguhan dan kekukuhan serta menggalakkan persaingan dan kecekapan dalam industri perbankan. Di samping itu, langkah-langkah sistem kewangan turut dilaksanakan untuk memastikan akses pembiayaan yang berterusan serta meningkatkan perlindungan dan keyakinan pengguna dalam sektor perbankan.

Langkah-langkah Meningkatkan Keteguhan dan Kekukuhan

Perangkuman Risiko Pasaran ke dalam Rangka Kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR)

Rangka kerja kecukupan modal risiko pasaran telah dikeluarkan untuk dilaksanakan pada bulan September 2004. Semua bank perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan dan syarikat diskaun, yang juga dikenali sebagai institusi berlesen, dikehendaki merangkumkan kedudukan risiko pasaran masing-masing ke dalam nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan mematuhi keperluan minimum RWCR menjelang suku kedua tahun 2005. Sungguhpun terdapat perangkuman risiko pasaran, keperluan minimum RWCR kekal pada 8%.

Di bawah rangka kerja ini, hanya risiko kadar faedah dan risiko ekuiti dalam buku perdagangan dimasukkan, manakala bagi risiko kadar pertukaran asing, kedua-dua kedudukan buku perdagangan dan perbankan dirangkumkan. Namun demikian, institusi berlesen dikehendaki mengambil langkah-langkah secukupnya untuk mengurus risiko kadar faedah dan risiko ekuiti masing-masing dalam buku perbankan. Selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan tadbir urus korporat institusi berlesen, Lembaga Pengarah dipertanggungjawabkan dengan tugas meluluskan dasar dan strategi berhubung pengurusan risiko pasaran serta memastikan terdapat langkah-langkah yang cukup untuk memantau dan mengawal risiko-risiko berkenaan.

Olahan Modal ke atas Pemegangan Instrumen Institusi Berlesen yang Lain

Rangka kerja modal yang dikeluarkan pada tahun 1989 menghendaki pemegangan instrumen modal institusi berlesen yang lain ditolak daripada modal asas. Selaras dengan pembangunan pasaran modal dalam negeri dan amalan pengawalseliaan antarabangsa, Bank Negara Malaysia telah meminda olahan modal bagi memudahkan aktiviti dagangan dan penggerakan pasaran (market making) bagi instrumen modal yang diterbitkan oleh institusi berlesen. Pindaan olahan modal yang dikeluarkan pada bulan Julai 2004 menetapkan pemegangan instrumen modal

institusi berlesen akan dikecualikan daripada penolakan modal jika ia tidak melebihi 10% daripada modal asas institusi berlesen berkenaan. Walau bagaimanapun, olahan modal bagi pemegang instrumen modal yang dikeluarkan oleh syarikat berkaitan atau syarikat daripada kumpulan perbankan yang sama, kekal tidak berubah.

Olahan Pengawalseliaan untuk Sekuriti yang Disokong Gadai Janji Kediaman

Olahan pengawalseliaan yang dikeluarkan pada 17 September 2004 memperuntukkan 20% wajaran risiko di bawah rangka kerja RWCR bagi bahagian pertama terbitan sekuriti yang disokong gadai janji kediaman yang diterbitkan oleh Cagamas MBS Berhad, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh Cagamas Berhad. Di samping itu, pemegang sekuriti subordinat yang disokong gadai janji kediaman mesti ditolak daripada modal asas. Pemegang sekuriti disokong gadai janji kediaman yang diterbitkan oleh Cagamas MBS Berhad, serta kemudahan kredit lain yang diberikan kepada Cagamas MBS Berhad tertakluk kepada had kredit seorang pelanggan institusi berlesen berkenaan.

Olahan Pengawalseliaan Bon dalam Denominasi Ringgit yang Diterbitkan oleh Institusi Pelbagai Hala

Pada bulan Oktober 2004, olahan pengawalseliaan bagi bon dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Institusi Kewangan Pelbagai Hala memperuntukkan 0% wajaran risiko di bawah rangka kerja RWCR. Bon tersebut diklasifikasikan sebagai aset mudah tunai di bawah Rangka Kerja Mudah Tunai yang baru.

Pelaksanaan Basel II

Pada bulan April 2004, Bank Negara Malaysia mengumumkan pelaksanaan pendekatan dan rangka masa bagi Basel II. Basel II akan dilaksanakan melalui dua fasa. Khususnya, institusi perbankan dikehendaki sekurang-kurangnya melaksanakan Kaedah Standard (Standardised Approach) bagi risiko kredit dan Kaedah Indikator Asas (Basic Indicator) bagi risiko operasi di bawah Basel II pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, institusi perbankan yang memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia akan dibenarkan untuk menerima pakai Kaedah Penarafan Dalaman (Internal Ratings Based Approach) pada bulan Januari 2010 tanpa perlu mematuhi Kaedah Standard bagi risiko kredit pada tahun 2008. Keputusan sama ada untuk beralih terus kepada Kaedah Penarafan Dalaman pada tahun 2010 tertakluk kepada Lembaga Pengarah, yang membuat keputusan berdasarkan analisis jurang dan analisis impak institusi perbankan termasuk pertimbangan ke atas faktor-faktor kos dan faedah. Pada bulan September 2004, keperluan minimum bagi struktur tadbir urus, analisis jurang dan pelan pelaksanaan berhubung Basel II telah dikeluarkan kepada institusi perbankan.

Garis Panduan Piawai Keselamatan Minimum bagi Cek

Sebagai salah satu daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menangani peningkatan kes penipuan cek dan mengekalkan keyakinan pengguna dalam penggunaan cek, pelbagai langkah telah diambil untuk menghalang pemalsuan dan penipuan pemindaan cek serta memudahkan pengesanan aktiviti seumpama itu. Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Piawai Keselamatan Minimum bagi Cek, yang menggariskan keperluan minimum berhubung peranan institusi perbankan dalam pembayaran dan pungutan cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan. Selain itu, garis panduan tersebut turut menggariskan piawai minimum bagi ciri-ciri keselamatan cek, kemudahan pengesanan pemalsuan cek dan pengurusan keselamatan dalam pencetakan cek. Institusi perbankan juga dikehendaki mendidik para pengguna berhubung risiko penggunaan cek dan langkah pencegahan yang perlu diambil.

Garis Panduan dalam Pengurusan Persekitaran Teknologi Maklumat (GPIS 1)

Bagi mengukuhkan serta meningkatkan tahap pengurusan teknologi maklumat (IT) institusi perbankan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan GPIS 1 pada bulan Mei 2004. Garis Panduan tersebut meletakkan tanggungjawab melaksanakan tadbir urus IT serta amalan pengurusan risiko yang baik kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Garis Panduan tersebut turut menggariskan keperluan minimum berhubung sistem keselamatan, sistem pembangunan dan operasi dalam persekitaran IT, bagi memastikan terdapat kawalan yang bersesuaian untuk melindungi sistem, data dan maklumat institusi berkenaan. Bagi memastikan operasi IT yang kritikal dapat disambung semula dengan segera sekiranya berlaku sebarang bencana, institusi perbankan dikehendaki mewujudkan rancangan luar jangkaan dan penyambungan semula perniagaan yang sewajarnya. Pelaksanaan keperluan tersebut dan amalan-amalan terbaik akan membolehkan institusi mengurangkan risiko berkaitan gangguan perkhidmatan, akses kepada maklumat pelanggan tanpa kebenaran, penipuan dan kehilangan keyakinan pelanggan.

Keupayaan Pemulihan Daripada Bencana oleh Institusi Perbankan

Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia telah menjalankan satu kaji selidik ke atas 25 buah institusi untuk menilai tahap kesediaan institusi perbankan dalam pemulihan daripada bencana dan untuk mengumpul maklumat berhubung strategi pemulihan. Hasil kajian tersebut dikongsi bersama dengan industri untuk terus mempertingkatkan pengaturannya bagi memulih sistem IT selepas bencana. Bank Negara Malaysia akan terus mengkaji semula rancangan luar jangkaan perniagaan industri perbankan semasa menjalankan audit IT di premis dan memantau ujian pelan pemulihan selepas bencana melalui laporan yang dikemukakan oleh institusi perbankan.

Langkah-langkah Meningkatkan Daya Saing dan Kecekapan Industri Perbankan

Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Bagi mempertingkatkan kecekapan proses penghantaran dasar monetari dan keberkesanan operasi pasaran kewangan, Bank Negara Malaysia memperkenalkan rangka kerja kadar faedah baru pada bulan April 2004. Rangka kerja tersebut juga bertujuan memudahkan penentuan harga produk kewangan yang lebih cekap. Berkuat kuasa pada 26 April 2004, kadar bumbung Kadar Pemberian Pinjaman Asas (BLR) dan had tebaran maksimum sebanyak 2.5 mata peratusan di atas BLR atau kos dana dimansuhkan. Institusi perbankan diberi kelonggaran untuk menentukan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi pemberian pinjaman mereka. Kelonggaran ini dijangka memudahkan perkembangan inovasi dan pengubahsuaian produk dalam industri perbankan bagi memenuhi pelbagai keperluan dalam ekonomi yang sedang berkembang.

Pindaan Olahan Pengawalseliaan untuk Sekuriti Hutang Cagamas Baru

Sebagai satu langkah untuk terus mempertingkatkan kecekapan pasaran bon dalam negeri, Bank Negara Malaysia telah meminda olahan pengawalseliaan untuk terbitan sekuriti hutang Cagamas baru yang diterbitkan selepas 4 September 2004. Risiko berwajaran untuk pemegang sekuriti hutang Cagamas baru telah dinaikkan daripada 10% kepada 20% di bawah rangka kerja RWCR. Di samping itu, pemegang sekuriti hutang Cagamas baru serta kemudahan kredit lain yang diberikan kepada Cagamas Berhad tertakluk kepada had kredit seorang pelanggan institusi berlesen berkenaan.

Had Kredit Seorang Pelanggan – Syarikat Diskaun

Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2004, keperluan Had Kredit Seorang Pelanggan (SCCL) turut dilaksanakan ke atas syarikat diskaun bagi memastikan pendedahan dalam pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) kepada penerbit sekuriti tunggal tidak berlebihan. SCCL yang dikenakan ke atas penerbit tunggal ditetapkan pada paras 35% daripada dana modal yang dibenarkan bagi syarikat diskaun untuk semua pelaburan baru dalam PDS.

Penolakan Sekuriti Hutang Ringgit daripada Liabiliti Layak

Pada bulan Oktober 2004, bank perdagangan dan bank saudagar dibenarkan menolak pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit daripada liabiliti layak dalam buku perdagangan bagi pengiraan Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Sekuriti hutang tersebut adalah seperti yang berikut:

- Sekuriti RENTAS khusus yang dikeluarkan melalui rangkaian Peniaga Utama;
- Kesemua sekuriti hutang korporat termasuk sekuriti Cagamas; dan
- Sekuriti dalam denominasi ringgit yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Institusi Kewangan Pelbagai Hala.

Dengan penolakan ini, bank perdagangan dan bank saudagar akan dapat mengurangkan kos pemegangan sekuriti tersebut. Ini bertujuan untuk menggalakkan urus niaga sekunder sekuriti berkenaan dalam pasaran bon dan mewujudkan persaingan yang saksama antara bank perdagangan dan bank saudagar dengan peserta-peserta lain dalam pasaran bon.

Instrumen Modal Kumpulan 1 yang Inovatif

Berkuat kuasa pada bulan Disember 2004, institusi berlesen dibenarkan mengeluarkan instrumen modal Kumpulan 1 yang inovatif untuk diambil kira sebagai modal Kumpulan 1 di bawah rangka kerja RWCR. Walau bagaimanapun, pengeluaran instrumen tersebut perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Bank Negara Malaysia dan memenuhi keperluan minimum yang digariskan di bawah Garis Panduan.

Langkah-langkah Meningkatkan Perlindungan Pengguna

Inovasi kewangan serta pembangunan teknologi yang inovatif telah meningkatkan kepelbagaian dan kecanggihan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai penyedia perkhidmatan. Ini seterusnya membolehkan pengguna mempunyai lebih banyak pilihan dalam menguruskan kewangan peribadi masing-masing. Bagi memastikan pengguna berupaya untuk membuat keputusan kewangan yang memenuhi keperluan mereka dan diberikan urus niaga yang saksama oleh institusi kewangan, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan satu rangka kerja berhubung pendidikan dan perlindungan pengguna yang terancang bagi jangka masa panjang.

Rangka Kerja Perkhidmatan Perbankan Asas

Bagi memastikan pengguna mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas pada kos minimum, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas berkuat kuasa pada bulan Februari 2005. Di bawah rangka kerja tersebut, kesemua institusi perbankan dikehendaki menawarkan sekurang-kurangnya satu akaun simpanan asas (BSA) dan satu akaun semasa asas (BCA) kepada semua warganegara Malaysia, termasuk pemastautin tetap. Rangka kerja ini melayakkan pemegang akaun akses kepada sekurang-kurangnya 14 urus niaga sebulan secara percuma, termasuk lapan pengeluaran tunai melalui ATM. Di samping itu, pemegang BSA dan BCA juga boleh melakukan sekurang-kurangnya dua urus niaga GIRO Antara Bank sebulan dengan dikenakan fi tidak melebihi RM0.50 bagi setiap urus niaga. Bagi pemegang akaun yang melanggan perkhidmatan perbankan Internet, mereka juga layak menikmati perkhidmatan pertanyaan akaun dalam talian tanpa had, pemindahan dana di bawah institusi perbankan yang sama dan pembayaran bil secara percuma. Faedah ke atas simpanan dalam akaun simpanan asas akan dibayar tanpa mengira baki akaun.

Pengenaan Fi dan Caj ke atas Produk dan Perkhidmatan Perbankan

Sebagai satu usaha memastikan individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan selain daripada BSA dan BCA pada kos yang bersesuaian, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu Garis Panduan pada bulan Disember 2004 yang bertujuan untuk mengawal selia pengenaan fi dan caj oleh institusi perbankan. Institusi perbankan perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Bank Negara Malaysia sebelum menaikkan fi dan caj yang sedia ada atau mengenakan fi dan caj baru ke atas produk dan

perkhidmatan yang ditawarkan kepada individu dan PKS. Dalam hal ini, institusi perbankan perlu mengemukakan justifikasi berhubung pengenaan atau kenaikan fi dan caj termasuk syarat-syarat bagi pengenaan fi tersebut.

Bagi meningkatkan tahap ketelusan pasaran, Garis Panduan tersebut juga menghendaki institusi perbankan memastikan butiran fi dan caj ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada individu dan PKS disediakan di kesemua cawangan dan laman web masing-masing. Institusi perbankan juga dikehendaki memberi notis kepada pelanggan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum meminda sebarang terma dan syarat bagi produk dan perkhidmatan termasuk fi dan caj.

Biro Pengantaraan Kewangan

Keperluan kepada satu saluran yang murah dan berkesan adalah penting kepada pengguna untuk mendapat pembelaan apabila terdapat pertikaian yang melibatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah menerajui usaha untuk meningkatkan mekanisme penyelesaian pertikaian bagi membolehkan pengguna menyelesaikan konflik melalui proses yang adil dan saksama.

Pada 20 Januari 2005, Biro Pengantaraan Kewangan (BPK), telah dilancarkan hasil gabungan antara Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans. Sehubungan dengan ini, BPK bertindak sebagai agensi bersepadu untuk menyelesaikan pertikaian yang melibatkan institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Skop BPK diperluas bagi meliputi pertikaian terhadap bank-bank Islam, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan di samping pengendali sistem pembayaran tertentu serta pengeluar-pengeluar kad kredit dan kad caj bukan bank. Ini bagi memastikan pengguna penyedia perkhidmatan kewangan tersebut mempunyai akses kepada mekanisme penyelesaian pertikaian. Skop BPK juga diperluas untuk merangkumi liputan produk, jenis aduan serta had award. BPK menyediakan satu saluran yang cepat dan cekap kepada pengguna untuk mengemukakan aduan sebagai alternatif kepada penyelesaian melalui mahkamah. Di samping itu, pengguna turut mendapat manfaat dengan kewujudan sebuah biro serta proses dan prosedur yang konsisten.

Insurans Deposit

Dalam meneruskan usaha untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dan mempertingkatkan jaringan keselamatan kewangan sistem perbankan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan kertas kerja konsep berhubung Sistem Insurans Deposit di Malaysia kepada industri perbankan pada bulan November 2004. Objektif utama sistem insurans deposit tersebut adalah untuk menyediakan tahap perlindungan yang wajar kepada pendeposit bagi deposit mereka di institusi perbankan. Kertas kerja konsep tersebut memperincikan aspek-aspek yang dipertimbangkan dalam sistem insurans deposit tersebut.

Jadual Perbandingan

Bagi membantu pengguna membuat perbandingan serta mengurangkan kos mencari maklumat, Bank Negara Malaysia telah memaparkan maklumat perbandingan mengenai kadar-kadar utama, iaitu, kadar berian pinjaman asas, kadar simpanan tetap dan kadar deposit instrumen boleh niaga dalam laman web BankingInfo. Pada masa hadapan, jadual-jadual perbandingan produk deposit dan kredit yang lazimnya ditawarkan kepada pengguna akan disediakan.

Kertas Kerja Konsep mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

Sebagai salah satu usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan pasaran yang lebih telus, kertas kerja konsep berhubung ketelusan dan pendedahan produk oleh institusi perbankan telah dikeluarkan pada bulan Mac 2004. Maklumat berhubung risiko dan kos produk sering kali tidak didedahkan dalam bahan promosi. Di samping itu, terma dan syarat utama juga tidak dinyatakan dengan jelas. Bagi memastikan pengguna memahami jenis dan tahap risiko yang terlibat, kertas kerja konsep

tersebut memerlukan semua maklumat dinyatakan dan disampaikan secara jelas, tepat dan berkesan. Maklumat khusus merangkumi faktor risiko, hasil, penentuan harga, fi dan caj, dan terma-terma dan maklumat yang tepat pada masa hendaklah didedahkan kepada pengguna dengan menggunakan definisi dan terminologi standard. Keperluan pendedahan turut dikenakan ke atas pengiklanan bagi memastikan bahan pemasaran dan promosi tidak mengelirukan para pengguna.

Pengendalian Aduan

Pengendalian aduan dengan berkesan adalah penting bagi memastikan aduan pengguna ditangani dan diselesaikan dengan segera. Aduan yang direkod dengan baik dan dianalisis bagi mengenal pasti punca masalah turut membolehkan institusi perbankan menangani kepincangan dalam operasi mereka. Mulai bulan Jun 2004, institusi perbankan dikehendaki mengemukakan laporan setengah tahun berhubung jumlah dan jenis aduan yang diterima. Bank Negara Malaysia akan terus memainkan peranan dalam pengendalian aduan pengguna terhadap institusi perbankan bagi memastikan semua aduan tersebut dilayan dengan segera dan cekap agar pengguna menerima layanan adil daripada institusi perbankan.

Pindaan Garis Panduan Laporan Kewangan untuk Institusi Berlesen (BNM/GP8)

Lanjutan daripada penerbitan dua kertas kerja konsep kepada industri perbankan, pindaan garis panduan laporan kewangan untuk institusi berlesen telah dikeluarkan untuk dilaksanakan pada bulan Oktober 2004. Objektif utama pindaan Garis Panduan tersebut adalah untuk memastikan pematuhan standard perakaunan antarabangsa dan pendedahan yang konsisten bagi semua butiran penting dan terkecuali di kalangan institusi kewangan. Ini bagi memudahkan penilaian serta perbandingan kedudukan kewangan dan pencapaian institusi berkenaan. Pindaan Garis Panduan tersebut menggariskan keperluan pendedahan minimum dan institusi berlesen digalakkan supaya mendedahkan maklumat tambahan di dalam penyata kewangan masing-masing. Pindaan utama yang dibuat terhadap Garis Panduan tersebut adalah seperti berikut:

- Institusi berlesen dikehendaki menyediakan laporan kewangan interim bagi setiap suku tahun;
- Laporan kewangan interim bagi setiap suku tahun dan separuh tahun tidak perlu disiarkan di dalam akhbar. Sebaliknya, institusi berlesen dikehendaki menyediakan laporan kewangan interim di laman web masing-masing;
- Institusi berlesen dikehendaki membahagikan portfolio sekuriti kepada kategori 'dipegang untuk perdagangan', 'dipegang sehingga matang' dan 'sedia untuk dijual';
- Institusi berlesen diberi dua pilihan untuk mengambil kira urus niaga derivatif mereka; dan
- Faedah terakru dan diakui sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak berbayar hendaklah dikecualikan daripada pendapatan. Seterusnya, faedah yang diperoleh daripada pinjaman tidak berbayar hendaklah diakui sebagai pendapatan berasaskan tunai.

Set pertama penyata kewangan yang disediakan di bawah pindaan BNM/GP8 tersebut adalah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Langkah Peningkatan Akses kepada Pembiayaan

Penarikan Balik Sekatan ke atas Peruntukan untuk Pembiayaan Titian bagi Pembangunan Harta Tanah

Sekatan ke atas peruntukan kemudahan pembiayaan titian bagi pembangunan harta tanah yang diperkenalkan pada tahun 1999 bagi menangani masalah harta tanah tidak terjual telah ditarik balik pada bulan September 2004. Bagi memastikan penarikan tersebut tidak menyebabkan lebihan penawaran dalam pasaran harta tanah, institusi perbankan dikehendaki mempertimbangkan impak sesebuah projek yang hendak dibiayai ke atas pasaran harta tanah dalam kawasan sekeliling selain membuat penilaian standard ke atas daya maju projek berkenaan. Institusi perbankan juga dikehendaki menyediakan maklumat yang secukupnya kepada Lembaga Pengarah masing-masing untuk menilai sesebuah projek, memandangkan persetujuan Lembaga Pengarah diperlukan bagi meluluskan sebarang kemudahan pembiayaan titian tersebut.